The Secretary shall provide the necessary administrative and secretarial services for the effective functioning of the Audit Committee. The Minutes of meetings, which are kept by the Secretary, are circulated to the Committee members and to all other members of the Board. Alternatively, the Chairman of the Audit Committee shall present the Audit Committee Report at the earliest Board of Directors Meeting. The Audit Committee Report shall include, among others, a summary of all matters discussed in the Audit Committee Meeting and the decisions and recommendations made therein.

TERMS OF REFERENCE OF THE AUDIT COMMITTEE

1. Quorum of Meetings

The majority of members present must be Independent Directors.

2. Attendance at Meetings

The Managing Director, the Group Chief Financial Officer and the Head of Internal Audit shall normally attend the meetings. Other Directors and employees of the Company shall attend meetings only at the invitation of the Committee.

As and when necessary, the External Auditor would be invited to attend meetings.

3. Frequency of Meetings

The Committee shall meet regularly, at least one meeting per financial quarter.

SETIAUSAHA JAWATANKUASA AUDIT

Setiausaha Syarikat dan/ atau Penolong Setiausaha Syarikat dan/ atau mana-mana individu yang dilantik oleh Jawatankuasa Audit boleh menjadi Setiausaha Jawatankuasa Audit.

Setiausaha akan menyelenggarakan segala urusan pentadbiran dan kesetiausahaan yang perlu supaya Jawatankuasa dapat berfungsi dengan berkesan. Minit-minit mesyuarat yang disimpan oleh Setiausaha, akan diedarkan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Audit dan kesemua ahli Lembaga Pengarah yang lain. Sebagai pilihan, Pengerusi Jawatankuasa Audit akan menyampaikan Laporan Jawatankuasa Audit di Mesyuarat Lembaga Pengarah yang terdekat. Laporan Jawatankuasa Audit terdiri daripada beberapa perkara, termasuklah kenyataan ringkas tentang semua perkara yang dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan keputusan-keputusan dan cadangan-cadangan yang dibuat di dalamnya.

TERMA-TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA AUDIT

1. Korum Mesyuarat

Majoriti ahli yang hadir mestilah terdiri daripada Pengarah Bebas.

2. Kehadiran di Mesyuarat

Pengarah Urusan, Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan dan Ketua Juruaudit Dalaman pada kebiasaannya akan menghadiri mesyuarat. Kehadiran Pengarah-pengarah yang lain dan kakitangan Syarikat hanya di atas jemputan Jawatankuasa Audit.

Juruaudit Luar biasanya akan dijemput hadir ke mesyuarat apabila dianggap perlu.

3. Kekerapan Mesyuarat

Jawatankuasa Audit akan bermesyuarat pada masa-masa yang tetap, sekurang-kurangnya sekali setiap suku tahun kewangan.



4. Functions of the Audit Committee

4.1 To review the following and report the same to the Board of Directors:

- (a) with the External Auditor, the audit plan;
- (b) with the External Auditor, its evaluation of the system of internal controls;
- (c) with the External Auditor, its audit report;
- (d) the assistance given by the employees of the Company to the External Auditor;
- (e) the adequacy of the scope, functions and resources of the internal audit functions and that it has the necessary authority to carry out its work;
- (f) the internal audit programme, process, the results of the internal audit programme, processes or investigation undertaken and whether or not appropriate action is taken on the recommendations of the internal audit function;
- (g) the quarterly results and year end financial statements, prior to the approval by the Board of Directors, focusing particularly on:
 - (i) changes in or implementation of major accounting policy changes;
 - (ii) significant and unusual events; and
 - (iii) compliance with accounting standards and other legal requirements;
- (h) any related party transaction and conflict of interest situation that may arise within the Company or Group including any transaction, procedure or course of conduct that raises questions of the Management's integrity;
- (i) any letter of resignation from the External Auditor of the Company;
- (j) whether there is reason (supported by grounds) to believe that the Company's External Auditor is not suitable for re-appointment;
- (k) the External Auditor's management letter and the Management's response thereto;
- (l) any appraisal or assessment of the performance of members of the internal audit function;
- (m) any appointment or termination of senior staff members of the internal audit function; and
- (n) the appointment and remuneration of the External Auditor each year;

4.2 To recommend the nomination of a person or persons as External Auditor;

4.3 To be informed of resignations of internal audit staff members and provide the resigning staff member an opportunity to submit his/ her reasons for resigning, if necessary;

4.4 To consider the major findings of internal investigations and Management's response thereto;

4.5 To consider other topics as defined by the Board from time to time; and

4.6 To support, as deemed necessary, the internal audit activities.

The Board may review the above duties and responsibilities from time to time.

4. Tugas dan Tanggungjawab Jawatankuasa Audit

4.1 Untuk menyemak, menilai dan melaporkan kepada Lembaga Pengarah tentang perkara-perkara berikut:

- (a) bersama Juruaudit Luar, mengenai perancangan audit;
- (b) bersama Juruaudit Luar, mengenai penilaiannya tentang sistem kawalan dalaman;
- (c) bersama Juruaudit Luar, mengenai laporan auditnya;
- (d) bantuan yang diberikan oleh kakitangan Syarikat kepada Juruaudit Luar;
- (e) Keberkesanan skop, fungsi dan sumber untuk audit dalaman berfungsi serta memiliki kuasa yang diperlukan dalam menjalankan tugas adalah memadai;
- (f) program audit dalaman, proses, keputusan program audit dalaman, proses-proses atau penyiasatan yang dijalankan dan samada tindakan yang sesuai diambil seperti yang disyorkan oleh fungsi audit dalaman;
- (g) penyata suku tahun kewangan dan laporan kewangan tahunan, sebelum diluluskan oleh Lembaga Pengarah, terutamanya:
 - (i) perubahan atau pelaksanaan polisi perakaunan utama;
 - (ii) peristiwa penting dan luarbiasa; dan
 - (iii) pematuhan dasar perakaunan dan lain-lain kehendak perundangan;
- (h) mana-mana urusan melibatkan pihak-pihak berkaitan dan situasi konflik dalam kepentingan yang mungkin timbul di dalam Syarikat atau Kumpulan termasuk mana-mana urusan, tatacara atau perjalanan tatacara yang menimbulkan persoalan tentang kejujuran dan ketulusan pihak Pengurusan;
- (i) surat perletakan jawatan dari Juruaudit Luar Syarikat;
- (j) sama ada terdapat alasan (disokong dengan sebab yang kukuh) untuk mempercayai bahawa Juruaudit Luar Syarikat tidak sesuai untuk pelantikan semula;
- (k) surat Pengurusan dari Juruaudit Luar dan tindak balas pihak Pengurusan terhadapnya;
- (l) penilaian prestasi ahli di dalam fungsi audit dalaman;
- (m) pelantikan atau penamatan perkhidmatan kakitangan kanan di dalam fungsi audit dalaman; dan
- (n) pelantikan dan bayaran khidmat Juruaudit Luar setiap tahun;

4.2 Mengesyorkan pencalonan mana-mana individu sebagai Juruaudit Luar;

4.3 Dimaklumkan mengenai perletakan jawatan kakitangan audit dalaman dan memberi peluang kepada ahli kakitangan yang meletak jawatan tersebut untuk memberikan alasan, jika perlu;

4.4 Mempertimbangkan hasil siasatan dalaman yang besar dan tindak balas pihak Pengurusan terhadapnya;

4.5 Mempertimbangkan perkara-perkara lain yang dijelaskan oleh Lembaga Pengarah dari masa ke semasa; dan

4.6 Menyokong, jika dianggap perlu, aktiviti-aktiviti audit dalaman.

Tugas serta tanggungjawab di atas mungkin dikaji semula dari masa ke semasa oleh Lembaga Pengarah.



5. Access

Wherever necessary and reasonable for the performance of its duties, the Audit Committee shall, at the cost of the Company:

- 5.1 Have authority to investigate any matter within its terms of reference;
- 5.2 Have the resources which are required to perform its duties;
- 5.3 Have full and unrestricted access to any information pertaining to the Company;
- 5.4 Have direct communication channels with the External Auditor and person(s) carrying out the internal audit function or activity (if any);
- 5.5 Be able to obtain independent professional or other advice; and
- 5.6 Be able to convene meetings with the External Auditor, excluding the attendance of the executive members of the Committee, whenever deemed necessary.

REVIEW OF THE AUDIT COMMITTEE

The Board of Directors of the Company must review the term of office and performance of the Audit Committee and each of its members at least once every three (3) years to determine whether such Audit Committee and members have carried out their duties in accordance with their terms of reference.

AUDIT COMMITTEE REPORT

The Audit Committee met five (5) times during the financial year ended 30 June 2002.

Details of members' attendance in the Audit Committee meetings during their tenure in office:

MEMBER	ATTENDANCE
DATO' ABDUL HALIM ABDULLAH	5/5
SHAFUBAHRIM MOHD SALEH	5/5
BISTAMAM RAMLI	4/5
DATUK EMAM MOHD HANIFF EMAM MOHD HUSSAIN (Appointed on 22 August 2002)	–

5. Akses

Di mana dianggap perlu dan munasabah dalam menjalankan tanggungjawabnya, Jawatankuasa Audit, dengan kos yang dibiayai oleh Syarikat:

- 5.1 Mempunyai kuasa, tertakluk kepada terma-terma rujukannya untuk menyiasat apa juga perkara;
- 5.2 Mempunyai sumber-sumber yang diperlukan untuk menjalankan tanggungjawabnya;
- 5.3 Mempunyai akses yang penuh dan tiada sekatan terhadap apa-apa maklumat berkenaan Syarikat;
- 5.4 Mempunyai saluran komunikasi secara terus dengan Juruaudit Luar dan individu atau individu-individu yang menjalankan fungsi atau aktiviti audit dalaman (jika ada);
- 5.5 Boleh mendapatkan nasihat profesional bebas atau lain-lain nasihat; dan
- 5.6 Boleh bermesyuarat dengan Juruaudit Luar, tanpa kehadiran ahli Jawatankuasa eksekutif, jika dianggap perlu.

PENILAIAN JAWATANKUASA AUDIT

Lembaga Pengarah akan mengkaji tempoh jawatan dan prestasi Jawatankuasa Audit dan setiap ahlinya sekurang-kurangnya setiap tiga (3) tahun sekali untuk menentukan samada Jawatankuasa Audit dan ahli-ahlinya menjalankan tugas menurut terma-terma rujukan mereka.

LAPORAN JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah bersidang sebanyak lima (5) kali sepanjang tahun kewangan berakhir 30 Jun 2002.

Kehadiran ahli-ahli di mesyuarat Jawatankuasa Audit sepanjang tempoh penjawatan mereka:

AHLI	KEHADIRAN
DATO' ABDUL HALIM ABDULLAH	5/5
SHAFUBAHRIM MOHD SALEH	5/5
BISTAMAM RAMLI	4/5
DATUK EMAM MOHD HANIFF EMAM MOHD HUSSAIN (Dilantik pada 22 Ogos 2002)	–



Details of Audit Committee meetings held:

NO.	DATE	TIME
01-01	14 August 2001	9.30 a.m.
02-01	19 November 2001	2.00 p.m.
01-02	21 February 2002	9.00 a.m.
02-02	17 April 2002	2.00 p.m.
03-02	16 May 2002	3.00 p.m.

Among the matters reviewed and discussed by the Audit Committee were:

- The draft audited financial statements of the Company and the Group for the financial year ended 30 June 2002;
- The draft announcements to the Kuala Lumpur Stock Exchange on the quarterly report of the Group for the financial quarters ended 30 September 2001, 31 December 2001, 31 March 2002 and 30 June 2002;
- The Internal Auditors' Audit Charter and Plan;
- The Standard Operating Procedures (SOP);
- Recurrent related party transactions; and
- The internal audit report for the year.

In carrying out their duties, the Audit Committee updated the Board on the issues and concerns discussed during their meetings including those raised by the External Auditor and where appropriate, made the necessary recommendations to the Board and shall continue to do so from time to time.

INTERNAL AUDIT FUNCTION

The Audit Committee is supported by an independent internal audit department. The Audit Committee is aware of the fact that an independent and adequately resourced internal audit department is essential to assist in obtaining the assurance it requires regarding the effectiveness of the system of internal control.

The main role of the internal audit department is to review the effectiveness of the system of internal control and this is performed with impartiality, proficiency and due professional care.

Butir-butir mesyuarat Jawatankuasa Audit yang telah diadakan:

NO.	TARIKH	MASA
01-01	14 Ogos 2001	9.30 pagi
02-01	19 November 2001	2.00 petang
01-02	21 Februari 2002	9.00 pagi
02-02	17 April 2002	2.00 petang
03-02	16 Mei 2002	3.00 petang

Antara perkara-perkara yang telah dikaji dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Audit termasuklah:

- *Draf beraudit penyata-penyata kewangan Syarikat dan Kumpulan bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2002;*
- *Draf pengumuman-pengumuman kepada Bursa Saham Kuala Lumpur mengenai laporan suku tahun kewangan berakhir pada 30 September 2001, 31 Disember 2001, 31 Mac 2002 dan 30 Jun 2002;*
- *Pelan dan Piagam Audit Dalaman;*
- *Prosedur Operasi Piawai (SOP);*
- *Urusniaga-urusniaga melibatkan pihak-pihak berkaitan yang berulang-ulang; dan*
- *Laporan audit dalaman.*

Di dalam menjalankan tugas-tugas mereka, Jawatankuasa Audit telah membuat laporan mengenai semua isu yang dibangkitkan semasa mesyuarat Jawatankuasa Audit, perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luar dan isu-isu penting yang berkaitan dengannya dan telah mengemukakan cadangan-cadangan yang berpatutan kepada Lembaga Pengarah di mana perlu dan akan terus melaksanakannya dari masa ke semasa.

JABATAN AUDIT DALAMAN

Jawatankuasa Audit dibantu oleh Jabatan Audit Dalaman yang bebas. Jawatankuasa Audit menyedari kepentingan Jabatan Audit Dalaman yang bebas dengan sumber dalaman yang lengkap bagi mendapatkan jaminan yang diperlukan untuk sistem kawalan dalaman yang berkesan.

Peranan utama Jabatan Audit Dalaman adalah untuk mengkaji keberkesanan sistem kawalan dalaman dan ianya dijalankan dengan saksama, cekap dan secara profesional.



Management Committee


Jawatankuasa Pengurusan



Mohd Salleh Lamsah
Managing Director / *Pengarah Urusan*
Chief Executive Officer / *Ketua Pegawai Eksekutif* **EKOM**



Mohd Shu'aib Ishak
Executive Director / *Pengarah Eksekutif*
Chief Executive Officer / *Ketua Pegawai Eksekutif* **EMAC / ECOMM**



Md Arif Hj Hasan
Chief Operating Officer /
Ketua Pegawai Operasi



Mohd Sopiyan Mohd Rashdi
Group Chief Financial Officer /
Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan




Musa Mohd Lazim
General Manager /
Pengurus Besar **EKOM**

Corporate Structure | Struktur Korporat



edaran

EDARAN DIGITAL SYSTEMS BERHAD



Chairman's Message

Perutusan Pengerusi

Chairman's Message

Perutusan Pengerusi

Dear Shareholders and Partners,
I am pleased to present EDARAN's second annual report.

Para Pemegang Saham dan Rakan Niaga,
Saya dengan sukacitanya menyampaikan laporan tahunan EDARAN yang kedua.



FINANCIAL PERFORMANCE

Our company has fared reasonably well. Revenue increased to RM175.1 million for the financial year ended (FYE) 30 June 2002 from RM116.9 million recorded for FYE 2001. Profit before tax increased to RM21.0 million for FYE 2002, against RM16.9 million recorded in the last fiscal year.

The Group managed to achieve the desired results amidst many challenges. Although revenue is relatively higher for FYE 2002, the costs of doing business has increased and that has impacted on overall profit.

For our valued shareholders, the Board of Directors has recommended a dividend payment of 7.5%, tax exempt, for the financial year 2002.

PRESTASI KEWANGAN

Syarikat telah mencapai prestasi agak baik. Pendapatan meningkat kepada RM175.1 juta bagi tahun kewangan berakhir 30 Jun 2002 daripada RM 116.9 juta bagi tahun kewangan 2001. Keuntungan sebelum cukai meningkat kepada RM21.0 juta, berbanding RM16.9 juta pada tahun fiskal sebelum ini.

Kumpulan telah berjaya mencapai apa yang diharapkan walaupun terpaksa melalui pelbagai cabaran. Walau bagaimanapun, jumlah pendapatan tinggi yang dicapai bagi tahun kewangan 2002 ini tidak memungkinkan keuntungan keseluruhan yang lebih tinggi akibat kos menjalankan perniagaan semakin meningkat kini.

Buat para pemegang saham kami yang dihargai, Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk membuat bayaran dividen 7.5%, dikecualikan cukai, bagi tahun kewangan 2002.

SUSTAINING GROWTH AND SUCCESS

'Commitment', EDARAN's core value, has continued to underpin the Company's success. The Group's longstanding relationships with its customers attest to this commitment. With the push for the public sector to utilise technology, EDARAN sees itself playing an increasing role in the transformation process within this sector.

Similarly, in the private sector, EDARAN's growing inroads into a wider spectrum of industries have opened up more opportunities for our Company. Serving a range of different customers ranging from utility companies to educational institutions and service-related companies has given our Company better insight into and understanding of the peculiar needs in the market. Such knowledge and insight, in turn, better equip us in bidding for new projects.

DEVELOPMENTS

I am also pleased to tell you that there have been positive developments within EDARAN over the year. Most significantly, the Group acquired a new subsidiary which designs smart technology solutions. SIDIC Technology, or SIDIC for short, has added the much needed edge to EDARAN's profile as a leading solutions provider.

With SIDIC, the Group can now effectively offer its customers a wide-ranging choice of user-friendly hardware, software and firmware. These include the Integrated Secure Solutions (ISS) - an advanced version of security systems; Remote Management Solutions (RMS) - a facility that enables us to monitor progress remotely; and Smart Lifestyle Solutions (SLS) - solutions that encapsulate every gadget and device that futuristic lifestyles are made of.

GOING FORWARD

In anticipation of a more challenging business environment, EDARAN will continue to reinforce its strengths. Alongside becoming an even more customer-focused company, EDARAN will continue to establish more strategic alliances. Concurrently, the Group will improve and expand its range of services and products, and broaden the reach of its network of branch offices so that it may be closer to the customers and hence increase customer convenience and support.

MENGEKALKAN PERTUMBUHAN DAN KEJAYAAN

'Komitmen', ciri utama EDARAN, terus memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan Syarikat. Hubungan baik yang telah lama dibina oleh Kumpulan dengan para pelanggan dalam sektor awam membuktikan komitmen ini. Sejalan dengan usaha sektor awam untuk menjadikan teknologi sebahagian penting dalam operasi mereka, EDARAN berharap dapat terus memainkan peranan yang lebih penting dalam memberikan komitmen untuk mempercepatkan proses perubahan dalam sektor tersebut.

Begitu juga keadaannya dengan sektor swasta, di mana kehadiran EDARAN dalam menyediakan perkhidmatan kepada pelbagai industri telah membuka jalan untuk Syarikat terus meraih pelbagai peluang baru. Dalam memenuhi keperluan para pelanggan yang berlainan, daripada syarikat-syarikat kemudahan awam ke institusi pendidikan hinggalah ke syarikat-syarikat pemberi perkhidmatan, Syarikat kami telah mengumpulkan lebih banyak maklumat dan pengetahuan supaya dapat lebih memahami setiap keperluan khusus di pasaran. Pengetahuan dan pemahaman ini lantas membuat kami lebih bersedia dalam pembidaan untuk projek-projek baru.

PERKEMBANGAN

Saya juga berbesar hati untuk memaklumkan bahawa EDARAN telah melalui perkembangan positif sepanjang tahun. Paling penting sekali, Kumpulan telah memperolehi sebuah subsidiari baru yang membangunkan dan merekabentuk penyelesaian teknologi pintar. SIDIC Technology, atau nama ringkasnya SIDIC, telah memantapkan lagi profil EDARAN sebagai syarikat ulung yang menawarkan penyelesaian yang bersepadu dan menyeluruh.

Bersama-sama SIDIC, Kumpulan kini dapat menawarkan rangkaian perkakasan, perisian dan 'firmware' yang lebih meluas dan mesra-pengguna. Produk-produk ini boleh dikategorikan sebagai 'Integrated Secure Solutions' (ISS) atau Penyelesaian Bersepadu dan Selamat - sebuah sistem sekuriti yang terkini dan lebih canggih daripada sistem-sistem biasa; 'Remote Management Solutions' (RMS) atau Penyelesaian Pengurusan Kawal Jauh - kemudahan yang membolehkan kita mengawal perkembangan di satu-satu lokasi yang jauh; dan 'Smart Lifestyle Solutions' (SLS) atau Penyelesaian Gaya Hidup Bijak - yang merangkumi semua alat dan peranti yang sering kita impikan dalam gaya hidup futuristik.

MAJU KE HADAPAN

Dengan persekitaran perniagaan yang semakin mencabar, EDARAN akan terus memantapkan lagi kelebihan daya saingnya. Selain menjadi syarikat yang memberikan lebih banyak penumpuan kepada pelanggan, EDARAN akan terus mewujudkan lebih banyak usahasama strategik. Pada masa yang sama juga, Kumpulan akan mempertingkatkan dan mengembangkan rangkaian perkhidmatan dan produk-produknya, di samping meluaskan rangkaian pejabat cawangan dalam usaha untuk merapatkan jurang antara syarikat dan para pelanggan dan sekaligus meningkatkan kemudahan dan sokongan buat pelanggan.



APPRECIATION

I wish to record my sincere appreciation to all our shareholders, customers and business partners who have made invaluable contributions to the progress of EDARAN thus far. At the core of EDARAN's operational success are the management and employees. To this important group of individuals, I, on behalf of my fellow Directors on the Board, wish to commend each and every one of them on their achievements.


Last but not least, may I express my utmost gratitude to my fellow members of the Board for their continuing guidance and support.

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan penghargaan saya kepada semua pemegang saham, pelanggan dan rakan niaga yang telah menyumbang terhadap kemajuan EDARAN setakat ini. Kejayaan operasi EDARAN juga banyak bergantung kepada pihak pengurusan dan kakitangan syarikat. Kepada kumpulan individu-individu yang amat penting ini, saya, bagi pihak para Pengarah lain, ingin memuji setiap daripada mereka di atas kejayaan yang telah dicapai.

Akhir kata, izinkan saya merakamkan rasa terima kasih saya kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah lain di atas bimbingan dan sokongan mereka yang berterusan.

Yours sincerely, / *Yang benar,*



TAN SRI DATO' TAJUDIN RAMLI
Chairman / *Pengerusi*



Operations Review / *Tinjauan Operasi*

EDARAN

The past year has seen Edaran Digital Systems Berhad (EDARAN) grow in technical muscle and staff strength, with the acquisition of a smart technology outfit. This new entity, known as SIDIC Technology Sdn Bhd (SIDIC) now makes the fourth operating company in EDARAN, aside from Edaran Komputer Sdn Bhd (EKOM), Elitemac Resources Sdn Bhd (EMAC) and Edaran Communications Sdn Bhd (ECOMM). With this expansion, EDARAN will be better able to cater to a wider range of needs from a more extensive customer base.

Tahun-tahun yang lepas telah memperlihatkan perkembangan yang pesat bagi Edaran Digital Systems Berhad (EDARAN) dari segi kepakaran teknikal dan peningkatan tenaga kerja melalui penubuhan sebuah syarikat teknologi pintar (smart solutions). Selepas Edaran Komputer Sdn Bhd (EKOM), Elitemac Resources Sdn Bhd (EMAC) dan Edaran Communications Sdn Bhd (ECOMM), kini SIDIC Technology Sdn Bhd (SIDIC) menjadi syarikat ke-empat dalam EDARAN. Melalui perkembangan ini, EDARAN kini lebih berupaya untuk membekal keperluan pelanggan yang pelbagai dengan lebih meluas lagi.

EDARAN KOMPUTER SDN BHD (EKOM)

EKOM is continuing its efforts to enhance the services provided since the listing of its parent company, Edaran Digital Systems Berhad on 6 June 2001. To be better equipped in facing the challenges of globalisation, EKOM will continue to strive in giving the best services to our clients. Several initiatives have been taken which include the reorganisation of the company activities and streamlining of company resources to enable us to provide only the best solutions to our clients. These activities are ongoing in order for the company to stay competitive.

Although EKOM's major business focus remains as a systems integrator, the company is also looking into other business opportunities as the equipment supplier to the Government agencies. For the financial year in review, EKOM has managed to secure major contracts worth over RM30 million in supplying personal computers to the Ministry of Foreign Affairs and the Ministry of Education.

In addition to ongoing projects such as those with Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Malaysian Airline System Berhad (MAS), and Syarikat Bandar Baru Uda (SBBU), EKOM has made a substantial contribution to the Group's turnover by continuing to secure new projects. Among them are Tenaga Nasional Berhad's (TNB) campus network project, Bank Simpanan Nasional's (BSN) firewall project, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja's (JKKP) registration project, Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) project and Universiti Teknologi MARA (UiTM) library project.

In improving our services to customers in remote areas, EKOM plans to open two more service branches in Kuching and Kota Kinabalu in addition to the four existing ones in Johor Bahru, KLIA Sepang, Sg. Petani and Kuantan. EKOM will continue to enhance staff's technical knowledge by providing regular training in order to ensure they are best equipped to service our customers.

EKOM meneruskan usaha untuk mempertingkatkan perkhidmatan yang disediakan sejak penyenaian syarikat induknya, Edaran Digital Systems Berhad pada 6 Jun 2001. Dalam persediaan bagi menghadapi cabaran globalisasi, EKOM akan terus berusaha memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan termasuk pengstrukturkan semula aktiviti syarikat dan mengemaskini sumber syarikat bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik untuk pelanggan. Aktiviti ini dijalankan berterusan bagi mengekalkan keupayaan syarikat untuk terus berdaya saing.

Walaupun perniagaan utama EKOM tertumpu kepada integrasi sistem, EKOM meneruskan usaha mencari peluang-peluang perniagaan yang lain sebagai pembekal alatan kepada agensi-agensi Kerajaan. Bagi tahun kewangan dalam kajian, EKOM telah berjaya memperolehi beberapa kontrak utama bernilai lebih RM30 juta termasuk pembekalan komputer peribadi kepada Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pendidikan.

Selain daripada projek-projek yang sedia ada untuk Kastam Diraja Malaysia (KDRM), Malaysian Airline System Berhad (MAS), dan Syarikat Bandar Baru Uda (SBBU), EKOM telah banyak menyumbang kepada perolehan dagangan Kumpulan dengan terus memperolehi beberapa projek-projek baru. Antaranya adalah projek rangkaian kampus untuk Tenaga Nasional Berhad (TNB), projek 'firewall' untuk Bank Simpanan Nasional (BSN), projek pendaftaran untuk Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (JKKP), projek untuk Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) dan projek perpustakaan untuk Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Dalam usaha kami untuk meningkatkan khidmat kepada pelanggan di kawasan luar bandar, EKOM bercadang untuk membuka dua lagi cawangan di Kuching dan Kota Kinabalu bagi memperluaskan rangkaian cawangan yang sedia ada di Johor Bahru, KLIA Sepang, Sg. Petani dan Kuantan. Peningkatan berterusan tahap pengetahuan teknikal kakitangan EKOM melalui program latihan akan memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan.



ELITEMAC RESOURCES SDN BHD (EMAC)

EDARAN COMMUNICATIONS SDN BHD (ECOMM)

**The Telecommunications Sector**

There are three driving forces that are affecting the global telecommunications industry, which are: technology convergence, deregulation, and demand shifts. In Malaysia, technological convergence promotes increased enthusiasm in different application and service possibilities and network economics. Deregulation is also contributing to the fast paced change of the telecommunications industry. This intensifies price competitiveness as well as creative product and service innovations. These changes in the industry provides more opportunities for EDARAN to actively participate in.

Elitemac Resources Sdn Bhd (EMAC) and Edaran Communications Sdn Bhd (ECOMM) have more than RM30.0 million worth of outstanding projects from the financial year 2002 to complete.

With the listing of Maxis Communications Berhad and the takeover of Celcom (M) Berhad, we foresee various opportunities as some of these companies will be expanding their operations while others are faced with the need for integration and facilitation of their merger process.

The outsourcing of operations and maintenance of network and infrastructure is another area that EMAC and ECOMM are aiming to work on. With the increasing demand for better service and quality for the customers, we expect telecommunication operators to look for better options in fulfilling this demand. Network operations outsourcing as well as infrastructure maintenance are among the services that are able to fulfill those needs.

Despite the fact that the Malaysian Government have issued the 3G network licence, we did not foresee that in this coming year, the operators will just be evaluating trial networks and would only offer the services commercially in the next 2 -3 years once the market, especially in Europe, has shown some degree of success.

Apart from the telecommunication operators, we are also looking to provide for requirements by the private and public sectors, especially in areas of integrated Geographical Information System (GIS) and remote sensing solutions.

The overseas market is another area that EMAC and ECOMM are exploring in terms of providing consultancy and engineering services. We have signed a Memorandum of Understanding (MOU) with a local company in the Middle East to set up a joint venture for providing consultancy and expertise in telecommunication services.

Sektor Telekomunikasi

Terdapat tiga daya penggerak yang mempengaruhi industri telekomunikasi global, iaitu: penyepaduan teknologi, deregulasi dan anjakan permintaan. Di Malaysia, penyepaduan teknologi menggalakkan pertumbuhan minat di dalam pelbagai bidang aplikasi dan perkhidmatan serta ekonomi rangkaian. Deregulasi pula menyumbang kepada pertumbuhan yang pantas di dalam industri telekomunikasi. Ini menggiatkan lagi persaingan harga serta inovasi produk dan perkhidmatan. Perkembangan-perkembangan di dalam industri seperti ini membuka lebih banyak peluang bagi EDARAN untuk terlibat dengan lebih giat.

Elitemac Resources Sdn Bhd (EMAC) dan Edaran Communications Sdn Bhd (ECOMM) kini mempunyai beberapa projek yang bernilai lebih daripada RM30.0 juta bagi tahun kewangan 2002 yang perlu disiapkan.

Dengan penyenaian Maxis Communications Berhad dan pengambilalihan Celcom (M) Berhad, kami menjangka pelbagai peluang perniagaan akan muncul hasil daripada usaha mengembangkan operasi dan keperluan mengintegrasikan dan memudahkan proses penyatuan syarikat-syarikat tersebut.

EMAC serta ECOMM sedang giat berusaha untuk menambahkan peluang perniagaan di bidang peralihan operasi dan penyelenggaraan rangkaian serta infrastruktur. Dengan peningkatan permintaan untuk khidmat cemerlang dan berkualiti kepada pelanggan, adalah dijangkakan pengusaha-pengusaha telekomunikasi akan terus mencari pilihan yang terbaik bagi memenuhi permintaan ini. Rangkaian operasi yang telah dijalankan oleh pihak ketiga serta penyelenggaraan infrastruktur adalah antara perkhidmatan-perkhidmatan yang akan dapat memenuhi permintaan ini.

Walaupun Kerajaan Malaysia telah mengeluarkan lesen rangkaian 3G, kami tidak menjangkakan bahawa hanya ujian penilaian rangkaian 3G akan bermula pada tahun akan datang manakala pembekalan perkhidmatan tersebut secara komersil hanya akan berlaku dalam masa 2 -3 tahun lagi, sekiranya terdapat penerimaan pasaran yang baik terutama sekali di Eropah.

Selain daripada pengusaha-pengusaha telekomunikasi, kami juga ingin memenuhi keperluan sektor-sektor swasta dan awam terutama sekali dalam bidang mengintegrasikan sistem informasi geografi (GIS) dan sistem penyelesaian pengesanan jauh.

Pasaran antarabangsa juga merupakan salah sebuah lagi pasaran yang akan diterokai oleh EMAC dan ECOMM dari segi penyediaan perkhidmatan perunding dan kejuruteraan. Kami telah menandatangani Memorandum Persefahaman dengan sebuah syarikat tempatan di Timur Tengah bagi tujuan membekalkan perkhidmatan perunding dan kepakaran dalam bidang telekomunikasi.



SIDIC TECHNOLOGY SDN BHD (SIDIC)

Acquired by EDARAN on 21 February 2002, SIDIC Technology Sdn Bhd (SIDIC) further complements EDARAN's vision to becoming a leading technology solution provider through its provision of smart technology solutions. SIDIC's key activities are focused on developing, innovating and providing secure end-to-end solutions by designing, developing and integrating smart systems, sites, components and schemes.

Our wide range of products and services are categorised as follows:

- Integrated Secure Solutions (ISS)
- Remote Management Solutions (RMS)
- Smart Lifestyle Solutions (SLS)

With the Information and Communications Technology (ICT) borderless convergence, businesses are rapidly adopting the Internet as the main means to conduct transactions, and as the volume of e-business grows exponentially, a secure infrastructure is needed to provide effective and efficient means for the authentication, confidentiality, and access control of data transactions and acquisitions. There is already an immediate need for making inroads into Information Technology (IT) networks and high security access control systems which demands more for system and solution providers to integrate end-to-end security protection for both service providers and users' private data.

Most of our activities for this financial year have been focused on the development and implementation of ISS for both physical and virtual environments. This involves utilising embedded software in smart devices such as smart cards and tags, interfacing and securely networked with controllers, back-end databases, monitoring systems including a multi-application environment. The solutions also encompass the utilisation of enrolment, personalisation and administration systems and services with security enhancement, using biometrics in user authentication systems. Digital video surveillance and storage systems as an integral part of secure environments were also implemented at various project sites including KL Sentral, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), International Institute of Islamic Thoughts and Civilisation (ISTAC), Institut Latihan Perindustrian (ILP) and American Malaysian Insurance Berhad (AMI).

We are currently also concentrating on prototyping and developing solutions for telecommunication and utility companies in their monitoring of remote facilities and utility sites. The use of RMS requires the design of interface hardware and software to be linked to existing equipment for data acquisition via radio frequency (RF) or Short Messaging Service (SMS) to the command centres. RMS can be strategically positioned to complement SCADA and Telemetry installations, for which demand appears strongly promising with local players being few and far between. SIDIC is optimistic in capturing the said market.

As for SLS, various proposals for the many different solutions have reached the final stages of implementation, mainly in large scale banking and government applications.

Pembelian SIDIC Technology Sdn Bhd (SIDIC) oleh EDARAN pada 21 Februari 2002 akan terus mengukuhkan matlamat EDARAN untuk menjadi syarikat yang menawarkan penyelesaian teknologi melalui pembekalan penyelesaian teknologi pintar. Aktiviti utama SIDIC tertumpu kepada membangun, menginovasi dan menyediakan penyelesaian 'end-to-end' yang selamat melalui rekabentuk, pembangunan dan integrasi sistem, lokasi, komponen dan skim pintar.

Rangkaian produk dan perkhidmatan kami yang luas boleh dikategorikan seperti di bawah:

- *Penyelesaian Integrasi Dan Selamat (ISS)*
- *Penyelesaian Pengurusan Jauh (RMS)*
- *Penyelesaian Gayahidup Pintar (SLS)*

Dengan penumpuan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) tanpa sempadan, penggunaan Internet untuk transaksi dan jumlah e-perniagaan sedang pesat meningkat dan ini membuat keperluan untuk infrastruktur yang selamat juga bertambah bagi membekalkan saluran yang cepat dan cekap untuk pengesahan, kerahsiaan serta kawalan laluan kepada transaksi dan perolehan data. Kini permintaan bagi rangkaian IT dan sistem kawalan laluan tahap keselamatan tinggi sedia ada dan penyedia-penyedia sistem dan penyelesaian perlu mengintegrasikan ciri-ciri keselamatan 'end-to-end' kepada data peribadi bagi kedua-dua pihak penyedia dan pengguna.

Kebanyakan aktiviti kami bagi tahun kewangan ini telah tertumpu kepada pembangunan serta implementasi ISS bagi alam fizikal dan alam maya. Ini melibatkan penggunaan 'embedded software' dalam peralatan pintar seperti 'smart card' dan 'smart tag', penyambungan dan kawalan rangkaian, pangkalan data 'back-end', sistem pemantauan termasuk persekitaran pelbagai aplikasi. Penyelesaian juga merangkumi penggunaan pendaftaran, personalisasi dan sistem pentadbiran serta perkhidmatan yang menggunakan peningkatan keselamatan seperti kaedah biometrik untuk sistem pengesahan pengguna. Sistem pengawasan video dan sistem penyimpanan merupakan ciri-ciri utama persekitaran selamat yang telah dilaksanakan di pelbagai tapak projek termasuk KL Sentral, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Institut Pemikiran dan Tamadun Islam Antarabangsa (ISTAC), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan American Malaysian Insurance Berhad (AMI).

Kami juga menumpukan usaha untuk membangun serta mereka model percubaan penyelesaian untuk pihak syarikat-syarikat telekomunikasi dan utiliti bagi kerja-kerja pemantauan jauh tapak-tapak kemudahan dan utiliti. Penggunaan RMS memerlukan rekaan alatan penyambungan dan program yang akan disambungkan kepada alatan sedia ada bagi membekalkan data kepada pusat kawalan melalui saluran frekuensi radio (RF) atau Khidmat Pesanan Ringkas (SMS). RMS juga boleh ditempatkan secara strategik untuk melengkapkan pemasangan SCADA dan Telemetri, di mana permintaan yang semakin pesat meningkat menjanjikan peluang baik bagi segelintir syarikat-syarikat penyelesaian tempatan. SIDIC optimistik dapat menawan pasaran ini.

Bagi SLS, pelbagai cadangan yang menawarkan penyelesaian berlainan kini berada di peringkat terakhir pelaksanaan, terutama sekali bagi penggunaan aplikasi perbankan dan kerajaan secara meluas.



GROUP SALES AND MARKETING PROGRAMME

Program Jualan dan Pemasaran Kumpulan

Sales and Marketing activities remain as the forerunner of the company income generation. With the stronger emphasis on ICT adoption from the Government and as activities on globalisation become more intense, ICT requirements will be the main stimulant in order for the Internet society of today to remain competitive. Taking cognisance of this, the Group sales and marketing resources have been re-organised in an effort to be more market-focused and knowledge-driven. Thus, the Group Sales and Marketing division has been restructured in such a way that the foreign marketing activities are done via our foreign business partners in our effort to be better able to counter threats of competition and to capitalise on opportunities in the foreign market. This eliminates unnecessary spending on smaller projects which may still require our presence in the locality.

All sales and marketing activities, however, will be done under the EDARAN branding to accentuate the Group's presence and to exploit fully the brand and its value attributes to potential customers in the global market.

For the local market, on the other hand, although we feel our presence is strong enough, the EDARAN branding has yet to reach its full impact. The Group plans to be more actively involved in publicity campaigns and other promotional activities locally, with the intention of increasing public awareness.



As for business partnering activities, the company has signed a partnership agreement with Mesiniaga Berhad, the sole agent of IBM products, on 27 September 2001. On 16 April 2002, we signed a Memorandum of Understanding with KANAL Trading and Contracting Co. Ltd. of Saudi Arabia for it to be a business partner in promoting our products to the Kingdom. On 22 April 2002, EDARAN participated in the Gulf IT Exhibition in Riyadh to promote our company and products to the Gulf States.

Subsequent to the above activities, the Group had participated in several tenders in middle-eastern countries and will continue to make our presence felt globally in the future.

Aktiviti Jualan dan Pemasaran terus menjadi aktiviti teras bagi menjana hasil untuk Syarikat. Melalui penekanan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada penggunaan ICT dan juga peningkatan aktiviti globalisasi, keperluan ICT akan menjadi pemangkin utama bagi memastikan masyarakat internet akan dapat terus bersaing. Atas kesedaran ini, sumber Jualan dan Pemasaran Kumpulan telah distruktur semula supaya lebih tertumpu kepada pasaran dan pengetahuan. Oleh itu, pengstruktur semula Program Jualan dan Pemasaran Kumpulan telah menetapkan aktiviti jualan antarabangsa dilaksanakan melalui sekutu perniagaan asing, dan usaha ini lebih berdaya saing dalam merebut peluang di pasaran antarabangsa. Ini dapat menghapuskan perbelanjaan yang tidak perlu ke atas projek-projek kecil yang masih memerlukan sokongan di lokasi berkenaan.

Walau bagaimanapun, kesemua aktiviti Jualan dan Pemasaran akan digiatkan di bawah jenama EDARAN bagi mengukuhkan peranan Kumpulan dan mengeksploitasi sepenuhnya jenama serta nilainya kepada pelanggan berpotensi di pasaran global.

Bagi pasaran tempatan pula, walaupun peranan Kumpulan masih dirasai, jenama EDARAN masih belum lagi mendapat kesan yang diharapkan. Kumpulan telah merancang untuk bergiat dengan lebih aktif dalam pelbagai kempen publisiti dan lain-lain aktiviti promosi tempatan bagi meningkatkan kesedaran am.

Bagi aktiviti perniagaan bersama rakan kongsi, Syarikat telah menandatangani persetujuan rakan kongsi pada 27 September 2001 dengan Mesiniaga Berhad, wakil tunggal bagi produk-produk IBM. Pada 16 April 2002, kami telah menandatangani Memorandum Persefahaman bersama KANAL Trading and Contracting Co. Ltd. daripada Saudi Arabia untuk menjadi rakan kongsi dalam usaha mempromosikan produk kami di negara tersebut. Pada 22 April 2002, EDARAN juga telah mengambil bahagian dalam pameran Gulf IT di Riyadh bagi mempromosikan syarikat dan memperkenalkan rangkaian produk kepada negara-negara teluk.

Sampingan kepada aktiviti di atas, Kumpulan juga telah mengemukakan pelbagai tender di negara-negara Timur Tengah dan akan terus meningkatkan peranan di pasaran global pada masa hadapan.



GROUP HUMAN RESOURCES / Sumber Manusia Kumpulan

STAFFING



The Group's total manpower rose from 120 as at July 2001 to 138 as at June 2002.

The breakdown of personnel as at June 2002 was as follows:

KAKITANGAN

Jumlah tenaga kerja kumpulan meningkat dari 120 orang pada Julai 2001 kepada 138 orang pada Jun 2002.

Pecahan kakitangan pada Jun 2002 adalah seperti berikut:



TRAINING & DEVELOPMENT

For the period from 1 January 2002 to 30 June 2002, a total of 516 training days has been accumulated, making an average of 4 days per employee.

This includes both technical and non-technical training and exposures overseas.

LATIHAN DAN PEMBANGUNAN

Dari jangkamasa 1 Januari 2002 hingga 30 Jun 2002, sejumlah 516 hari latihan telah dijalankan dan puratanya adalah 4 hari bagi setiap pekerja.

Ini termasuk latihan teknikal dan bukan teknikal serta pendedahan di luar negara.





1



2



3



4



5

- 1 20-22 October/*Oktober* 2001
Family Day 2001.
Hari Keluarga 2001.
- 2 07 November/*November* 2001
2001 First Analyst Briefing
Taklimat Juruanalisis Pertama 2001
- 3 05 December/*Disember* 2001
Signing of Memorandum of Understanding between
EKOM and NEC (Malaysia) Sdn. Bhd.
*Upacara menandatangani Memorandum
Persefahaman di antara EDARAN dan NEC (Malaysia)
Sdn. Bhd.*
- 4 27 December/*Disember* 2001
Edaran's Ninth Annual General Meeting at the Istana
Hotel, Kuala Lumpur.
*Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-Sembilan di
Hotel Istana, Kuala Lumpur.*
- 5 21-25 February/*Februari* 2002
EDARAN at the GITEX 2002 exhibition in Riyadh,
Saudi Arabia.
*EDARAN di Pameran GITEX 2002 di Riyadh,
Arab Saudi.*

Calendar of Events

1 July 2001 - 30 June 2002



6 14 March/Mac 2002

Kick-Off Ceremony for the Ministry of Human Resources, Department of Occupational Safety and Health (DOSH), Phase 1 of the Integrated Information System Project.
Majlis Pelancaran bagi Fasa 1 Projek Sistem Maklumat Bersepadu bagi Jabatan Keselamatan & Kesihatan Pekerja Malaysia (JKKP), Kementerian Sumber Manusia.

7 24 March/Mac 2002

The annual golf challenge between EDARAN and Kastam Diraja Malaysia (KDRM).
Cabaran golf tahunan di antara EDARAN dan Kastam Diraja Malaysia (KDRM).

8 16 April/April 2002

Signing of Memorandum of Understanding between EDARAN and KANAL Trading and Contracting Co. Ltd of the Kingdom of Saudi Arabia.
Upacara menandatangani Memorandum Persefahaman di antara EDARAN dan KANAL Trading and Contracting Co. Ltd, Arab Saudi.

9 09-12 May/Mei 2002

First EDARAN teambuilding session at Kem Bina Semangat, Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu.
Sesi Bina Semangat EDARAN yang pertama di Kem Bina Semangat, Ampang Pecah, Kuala Kubu Bharu.

10 15 June/Jun 2002

EDARAN Golf Classic 2002 at Saujana Golf & Country Club.
EDARAN Golf Classic 2002 di Saujana Golf & Country Club.

25 June/Jun 2002

11 EDARAN's Extraordinary General Meeting at the Nikko Hotel, Kuala Lumpur.
Mesyuarat Agung Luarbiasa EDARAN di Hotel Nikko, Kuala Lumpur.

Takwim Peristiwa-Peristiwa Penting

1 Julai 2001- 30 Jun 2002

2002 Financial Highlights | *Maklumat Kewangan 2002*

GROUP FIVE YEARS FINANCIAL DATA / *DATA KEWANGAN KUMPULAN LIMA TAHUN*

	1998 RM'000	1999 RM'000	2000 RM'000	2001 RM'000	2002 RM'000
INCOME STATEMENT / <i>PENYATA PENDAPATAN</i>					
Revenue / Pendapatan	91,744	123,684	87,308	116,931	175,089
Profit Before Interest, Depreciation and taxation / <i>Keuntungan Sebelum Faedah, Susutnilai dan Cukai</i>	8,221	18,069	19,181	20,812	24,253
Depreciation / <i>Susutnilai</i>	(1,220)	(1,515)	(1,597)	(1,260)	(1,835)
Financial Cost / <i>Kos Kewangan</i>	(2,865)	(4,031)	(3,135)	(2,686)	(1,428)
Profit Before Taxation / <i>Keuntungan Sebelum Cukai</i>	4,136	12,523	14,449	16,866	20,990
Taxation / <i>Cukai</i>	(1,924)	(227)	(4,684)	(5,173)	(5,853)
Profit After Taxation / <i>Keuntungan Selepas Cukai</i>	2,212	12,296	9,765	11,693	15,137
Gross Earnings Per Share (sen) / <i>Keuntungan Kasar Sesaham (sen)</i>	12.70*	38.46*	44.37*	39.15**	34.98*
Net Earnings Per Share (sen) / <i>Keuntungan Bersih Sesaham (sen)</i>	6.79*	37.76*	29.99*	27.14**	25.23*
Net Dividend Per Share (sen) / <i>Dividen Bersih Sesaham (sen)</i>	–	–	–	7.20	7.50
BALANCE SHEET / <i>LEMBARAN IMBANGAN</i>					
Shareholders' Funds / <i>Dana Pemegang Saham</i>	N/A	N/A	41,295	87,647	98,464
Paid-up Share Capital / <i>Modal Saham Berbayar</i>	N/A	N/A	32,564	60,000	60,000
Net Tangible Assets / <i>Aset Ketara Bersih</i>	N/A	N/A	41,295	87,647	98,464
Net Current Assets/ (Liabilities) / <i>Aset/ (Liabiliti) Semasa Bersih</i>	N/A	N/A	30,230	72,427	82,957
Total Assets / <i>Jumlah Aset</i>	N/A	N/A	117,672	168,732	233,267
Fixed Assets - Net Book Value / <i>Aset Tetap - Nilai Buku Bersih</i>	N/A	N/A	15,022	15,337	16,565
Capital Expenditure / <i>Perbelanjaan modal</i>	N/A	N/A	634	2,723	3,097
Long Term Debts / <i>Hutang Jangka Panjang</i>	N/A	N/A	4,632	974	1,256
Debts Equity Ratio / <i>Nisbah Hutang Kepada Ekuiti</i>	N/A	N/A	0.53	0.03	0.32
Net Tangible Assets Per Share (RM) / <i>Aset Ketara Bersih Sesaham (RM)</i>	N/A	N/A	1.27	1.46	1.64

* The gross/ net earnings per share is calculated based on the profit before/ after taxation and on the number of ordinary shares of RM1 each for the Group.


Pengiraan pendapatan kasar/ bersih sesaham adalah dihitungkan berdasarkan keuntungan sebelum/ selepas cukai dan berdasarkan jumlah saham bernilai RM1 sesaham untuk Kumpulan.

**The gross/ net earnings per share is calculated based on the profit before/ after taxation and on the weighted average number of 43,082,104 ordinary shares of RM1 each for the Group.


Pengiraan pendapatan kasar/ bersih sesaham dihitungkan berdasarkan keuntungan sebelum/ selepas cukai dan berdasarkan nombor purata 43,082,104 saham biasa bernilai RM1 sesaham untuk Kumpulan.

2002 Financial Highlights | *Maklumat Kewangan 2002*


Revenue / Pendapatan
(RM' 000)




**Profit Before Taxation /
Keuntungan Sebelum Cukai**
(RM' 000)




**Profit After Taxation /
Keuntungan Selepas Cukai**
(RM' 000)




**Net Earnings Per Share /
Keuntungan Bersih Sesaham**
(Sen)



**Net Dividend Per Share /
Dividen Bersih Sesaham**
(Sen)



**Shareholders' Funds /
Dana Pemegang Saham**
(RM' 000)



Statement on Corporate Governance

